



State Mufti's Office
Prime Minister's Office
Brunei Darussalam

BERAS: TANAMAN YANG WAJIB DIZAKAT

(BAHAGIAN AKHIR)

(Dengan nama Allah, Segala puji bagi Allah, Selawat dan salam ke atas Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)

Bolehkah Pelbagai Jenis Beras Dicampur Bagi Mencukupkan *Nishab*?

Jika tanaman beras itu ada bermacam-macam jenis seperti beras wangi dan beras pulut, maka jika sukatan hasil daripada tanaman satu jenis beras itu tidak mencapai *nishab* kecuali setelah dicampur sukutannya dengan hasil daripada jenis beras yang lain, maka dicampur sukatan beras-beras yang berlainan jenis itu, kemudian dikeluarkan zakat daripada setiap jenis beras tersebut dengan mengikut kadar banyaknya, itupun jika ia mudah dilakukan.

Sebagai contoh, jika seorang itu mempunyai hasil lima jenis beras yang dituai, masing-masing sukutannya 200 kilogram. Dicampur sukatan kesemuanya bagi mencukupkan *nishab*. Selepas dicampur, sukatan kelima-lima jenis beras tersebut berjumlah 1000 kilogram keseluruhannya. Kemudian zakat yang wajib dikeluarkan, umpamanya sebanyak 100 kilogram, maka diambil daripada setiap lima jenis beras itu sebanyak 20 kilogram.

Jika ia sukar untuk dilakukan, kerana terlalu banyak jenis beras dengan kadarnya yang sedikit-sedikit, maka dikeluarkan zakat dari jenis beras yang peringkat pertengahan iaitu antara jenis beras yang tidak terlalu tinggi mutunya dan yang tidak terlalu rendah mutunya. Namun adalah lebih afdhal jika dikeluarkan zakat dari setiap jenis beras tersebut mengikut kadar banyaknya.

Sementara itu pula, jika tanaman itu berlainan jenis, maka salah satu jenis tanaman itu tidak boleh dicampur sukutannya untuk mencukupkan *nishab* dengan satu jenis tanaman yang lain. Sebagai contoh, beras dan gandum tidak boleh dicampur sukatan keduanya kerana berlainan jenis tanaman.

Bolehkah Hasil Tanaman Beras Tahun Pertama Dicampur Dengan Hasil Beras Tahun Kedua?

Tidak harus dicampur sukatan hasil beras yang dituai pada tahun pertama dengan hasil beras tahun kedua bagi mencukupkan *nishab*. Akan tetapi harus dicampur sukatan beras yang dituai dalam tahun yang sama walaupun berbeza waktu penanamannya. Apa yang dimaksudkan dengan tuaian dalam tahun yang sama itu, hendaklah jarak masa antara tuaian tanaman yang pertama dengan tuaian tanaman yang kedua tidak melebihi daripada dua belas bulan Islam.

Tiada *Haul* Bagi Zakat Beras

Zakat beras tidak disyaratkan *haul* sebagaimana ia disyaratkan pada harta zakat yang lain seperti zakat emas atau zakat wang, apabila sampai *haul* (setahun hijrah) dan cukup *nishab* emas atau wang itu maka baharulah wajib dikeluarkan zakat.

Akan tetapi zakat beras/padi, bermula waktu kewajipan mengeluarkannya ialah apabila biji beras itu menjadi keras (sudah matang) dan selepas menuainya serta bersih daripada jeraminya.

Kadar Zakat Beras

Nabi *Shallallahu 'alaihi wasallam* bersabda:

()

Maksudnya: “*Tanaman yang disirami oleh (aliran) sungai-sungai dan awan (hujan), dibayar zakat satu persepuluh (10%) dan tanaman yang disirami dengan penyiraman (usaha sendiri), dibayar zakat satu perduapuluh (5%).*”

(Hadits riwayat Muslim)

Hadits di atas jelas menunjukkan bahawa kadar zakat yang wajib dikeluarkan bagi tanam-tanaman yang telah mencapai *nishab* itu, adalah berbeza kadar peratusnya menurut bagaimana pengairannya.

(1) 1/10 (10%):

Tanam-tanaman yang disirami air tanpa diusahakan oleh petani itu sendiri, seperti ia disirami oleh air hujan yang turun, aliran air sungai, aliran air daripada bukit atau mata air atau tanaman itu dengan sendiri menyerap air melalui akar-akarnya, kadar zakat yang wajib dikeluarkan ialah 1/10.

Sebagai contoh seorang petani menghasilkan beras sebanyak 1000 kilogram tanpa penyiraman sendiri iaitu dengan dituruni air hujan. Maka kadar zakat yang wajib dikeluarkan ialah 1/10 atau 10% dari 1000 kilogram iaitu 100 kilogram.

(2) 1/20 (5%):

Tanam-tanaman yang disirami air melalui usaha yang dibuat oleh petani itu sendiri seperti mengambil air dari perigi untuk menyiram tanam-tanaman atau menyiramnya melalui paip air, kadar zakat yang wajib dikeluarkan ialah 1/20.

Sebagai contoh seorang petani menghasilkan beras sebanyak 1000 kilogram dengan penyiraman sendiri melalui air paip. Ini bererti *nishab* zakatnya sudah melebihi daripada lima *wasq* atau 680.4 kilogram. Maka kadar zakat yang wajib dikeluarkan ialah 1/20 atau 5% dari 1000 kilogram iaitu 50 kilogram.

(3) 3/40 (7.5%):

Adapun tanam-tanaman yang disirami air melalui dua cara iaitu di samping penyiramannya diusahakan sendiri oleh pengusaha, penyiramannya juga adakalanya bergantung kepada pengairan semulajadi tanpa diusahakan oleh pengusahanya dengan kadar siraman yang sama atau tidak diketahui kadar banyak siramannya, maka kadar zakat yang wajib dikeluarkan ialah $3/40$ (7.5%).

Sebagai contoh, usia tanaman itu lapan bulan, empat bulan pertama ia disirami air sebanyak dua kali tanpa diusahakan oleh pengusaha seperti dituruni air hujan, kemudian empat bulan seterusnya ia disirami air sebanyak dua kali juga, akan tetapi dengan diusahakan sendiri seperti menyiramnya dengan air paip. Jika seorang petani itu menghasilkan beras sebanyak 1000 kilogram, maka kadar zakat yang wajib dikeluarkan ialah $3/40$ atau 7.5% dari 1000 kilogram iaitu 75 kilogram.

(4) Peratus yang berbeza-beza:

Jika tanam-tanaman itu disirami air melalui dua cara (usaha sendiri dan juga tanpa usaha sendiri) akan tetapi dengan kadar siraman yang berbeza-beza, maka menurut pendapat yang *azhhar*, kadar zakat yang wajib dikeluarkan ialah sekira-kira bahagiannya dengan mengambil kira masa penanaman dan penuaiannya.

Sebagai contoh, selama lapan bulan penanaman padi itu $2/3$ daripada tempoh itu disirami air hujan dan $1/3$ disirami dengan air paip, maka kadar zakat yang wajib dikeluarkan ialah $5/60$. Iaitu kadar zakat bagi $2/3$ yang disirami air hujan ialah $1/10 \times 2/3 = 2/30$ dan kadar zakat bagi $1/3$ yang disirami dengan air paip ialah $1/20 \times 1/3 = 1/60$. Oleh itu, keseluruhan kadar zakatnya ialah $2/30 + 1/60 = 5/60$. Untuk lebih jelas, pengiraannya adalah seperti berikut:-

$$\begin{array}{rcl}
2/3 \times 1/10 \text{ (kadar tanpa usaha)} & = & 2/30 \\
1/3 \times 1/20 \text{ (kadar dengan usaha)} & = & + \underline{1/60} \\
\text{Jumlah kadar zakat} & & \underline{5/60}
\end{array}$$

Ini bererti kadar zakat beras yang wajib dikeluarkan itu ialah 1/10 atau 1/20 atau 3/40 atau kadar yang tertentu dengan mengambil kira bagaimana pengairannya masa penanaman dan penuaiannya.

Sebagai kesimpulan, beras termasuk jenis hasil tanaman yang wajib dizakat. Adalah menjadi kewajipan ke atas orang-orang Islam yang mempunyai dan mengusahakan tanaman beras atau padi untuk mengeluarkan zakat apabila sudah sampai *nishab* zakatnya dengan mengikut kadar zakat yang tertentu sebaik sahaja ia matang dan dituai.